

16 APR 2001

MAHATHIR-PENETAPAN

KERAJAAN AKAN TERUS KEKALKAN PENETAPAN RINGGIT, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan Malaysia akan mengekalkan penetapan ringgit berbanding dolar Amerika walaupun matawang tempatan itu meningkat atau menyusut berbanding matawang asing lain hanya dalam satu tempoh jangka masa yang singkat.

Beliau berkata jika ringgit terlebih nilai sebanyak 20 peratus atau lemah dalam peratusan yang sama bagi satu tempoh waktu yang kukuh, barulah kerajaan mungkin akan mengubah penetapan itu jika ia masih diaktifkan.

"Tetapi pastinya tidak jika ianya berlaku hanya dalam tempoh sehari. Jika ia kekal dan nilai ringgit begitu kukuh sebanyak 20 peratus atau terlalu lemah sebanyak 20 peratus barulah kita akan menimbangkan untuk menentukan kadar pertukaran baru," katanya.

"...tetapi setakat ini, ianya belum lagi berlaku," katanya ketika menjawab soalan selepas mesyuarat Malis Tertingg (MT) UMNO di sini hari ini sama ada kerajaan akan meminda penetapan itu jika ringgit terlebih nilai sebanyak 20 peratus.

Ringgit ketika ini ditetapkan pada RM3.80 berbanding dolar Amerika dan kebanyakan industri menggesa kerajaan mengekalkan penetapan kerana ia menyediakan kestabilan matwang dan membantu mereka dalam mengawal kos dan penetapan harga.

Apabila ditanya bagaimana kerajaan akan membiayai defisit belanjawan enam peratus bagi tahun ini, beliau berkata "kerajaan mungkin membiayainya menerusi terbitan bon atau cara-cara lain,". -- BERNAMA

AKT MR ZK